



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/03/07\_21 (HQ)

### **BANJIR KILAT DI KL: TNB SEGERA PULIHKAN BEKALAN KE 37 KAWASAN**

- 3 lagi kawasan akan dapat bekalan secara berperingkat

Bekalan elektrik kepada 37 daripada 40 kawasan di sekitar ibu negara yang terjejas akibat banjir kilat sejak petang tadi telah berjaya dipulihkan sepenuhnya oleh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** setakat jam 10 malam ini.

Tiga lagi kawasan yang masih terjejas akibat penutupan bekalan elektrik sementara oleh TNB adalah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Impiana Hotel KLCC dan Menara Perak. Bekalan terpaksa dihentikan sementara demi keselamatan pengguna.

Pasukan teknikal TNB sedang giat menjalankan kerja-kerja pemulihan bekalan yang akan disalurkan secara berperingkat.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada apabila hujan lebat yang menenggelamkan pemasangan TNB.

Kesabaran dan keprihatinan pengguna semasa kerja-kerja baik pulih sedang berjalan amat dihargai.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai bekalan elektrik dan aduan berkaitan pemasangan TNB, sila hubungi TNB CareLine di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Mac 2022, jam 11:00 malam**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*